



Headline: Pegawai farmasi, doktor mangsa Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 10 December 2018

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 50

Pegawai farmasi, doktor mangsa *Macau Scam*

KUANTAN 9 Dis. - Orang ramai di negara ini dilihat begitu mudah menjadi mangsa penipuan sindiket *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM), mahkamah, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau agensi lain.

Walaupun penipuan sindiket itu kerap dilaporkan media arus perdana, namun seakan tidak memberikan kesedaran dan tidak diendahkan oleh orang ramai dan mereka yang menjadi mangsa turut melibatkan golongan terpelajar.

Dalam kejadian terbaharu di daerah ini dan Temerloh dekat sini semalam, seorang pegawai farmasi dan doktor turut menjadi mangsa membabitkan kerugian yang keseluruhannya berjumlah RM69,597.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, dalam kejadian pertama, seorang pegawai farmasi di daerah ini menerima panggilan daripada individu yang memaklumkan dari SPRM menerusi talian +320319999.

Menurutnya, pegawai farmasi terbabit dimaklumkan oleh suspek bahawa kad pe-

ngenalannya telah disalahgunakan dan terdapat pemindahan wang dari akaun mangsa ke akaun suspek malah ada waran tangkap dikeluarkan.

“Apabila mangsa menafikan apa yang dinyatakan, panggilan disambungkan ke Bukit Aman dan mangsa diminta memindahkan wang ke akaun diberikan bagi tujuan siasatan. Mangsa melakukan enam kali pemindahan berjumlah RM39,600 ke akaun bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad nombor 221151246101 atas nama Mohd. Nur Adli.

“Namun selepas pemindahan dilakukan, mangsa masih diminta untuk membuat pemindahan wang. Mangsa bera- sa tertipu dan membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) di sini semalam,” katanya di sini hari ini.

Mohd. Wazir memberitahu, dalam kejadian kedua semalam, seorang doktor di Temerloh dekat sini kerugian RM29,997 setelah terpedaya dengan panggilan telefon dari wakil mahkamah Majistret Melaka yang mendakwanya tidak hadir ke mahkamah dan mempunyai tunggakan kad kredit Hong Leong berjumlah RM8,795.75.

